

**BEBERAPA ASPEK PEMIKIRAN SYEIKH
DAUD BIN 'ABDULLAH AL-FATĀNĪ
DALAM PERBANKAN ISLAM:
TUMPUAN KEPADA *FURŪ' AL-MASĀ'IL***

**Oleh:
Joni Tamkin Borhan**

Abstract

*This article discusses about Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatānī a great faqih and thinker of the Malay archipelago and his contribution to Islamic transactions. He wrote a number of fiqh books which cover a variety of topics on Islamic transactions. In his works, *Furū' al-Masā'il*, Syeikh Daud explained some aspects of the principles of Islamic banking activities such as prohibition of riba in all forms of transactions, profit and loss sharing based on *muḍārabah* and *mushārahah*, *wadī'ah*, *ijārah*, *hiwālah*, *ḍamān*, *bay' and bay' al-salam* and *wakālah*.*

Pendahuluan

Mu'amalah merujuk kepada kegiatan manusia yang berkaitan dengan perniagaan, perdagangan dan usaha-usaha mengumpulkan kekayaan melalui cara-cara tertentu, atau kegiatan manusia yang berkaitan dengan perekonomian. Kegiatan manusia itu adalah berasaskan kepada peraturan-peraturan yang digariskan oleh al-Qur'an, al-Hadith, Ijma' Ulama, Qiyas dan amalan kebiasaan manusia atau apa yang dinamakan sebagai 'Urf. Skop perbin-

cangan dalam Fiqh Mu'amalah ialah berkenaan dengan teori harta (*al-amwāl*) dan teori akad (kontrak) dan ia menjadi asas kepada amalan dalam operasi institusi-institusi perbankan Islam. Perbankan Islam merujuk kepada pelaksanaan amalan dan operasi perbankan yang berasaskan prinsip-prinsip mu'amalah Islam. Artikel ini meninjau penulisan dan sumbangan Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭānī (1133/1720 - 1265/1847), seorang ulama' tersohor di Nusantara bermula sekitar abad 13H. / 19M. hingga kini, dalam bidang fiqh mu'amalah yang menjadi asas amalan perbankan Islam moden. Perbincangan ditumpukan kepada penulisannya; *Furū' al-Masā'il* yang dianggap sebagai antara kitab Fiqhnya yang besar.

Riwayat Hidup Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭānī

Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭānī ialah seorang ulama yang terkemuka di Alam Melayu pada sekitar abad ke-13H atau 19M. Beliau merupakan seorang ulama Patani yang masyhur dan paling produktif sekali di rantau ini kerana banyak menghasilkan karya dalam tulisan jawi yang diterbitkan di pelbagai tempat seperti di Makkah dan Mesir. Sebagai seorang ulama yang prolific, beliau telah menghasilkan banyak penulisan dalam ilmu Islam seperti Tauhid, Fiqh, Tasawwuf dan sebagainya, di antaranya masih lagi diterbitkan hingga ke hari ini dan menjadi rujukan banyak pihak termasuk para ulama semasa, penyelidik, pelajar dan sebagainya.

Menurut penulisan Wan Mohd. Shaghir Abdullah dan catatan keluarganya,¹ Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭānī dilahirkan pada

¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatani", dalam *Dian*, Kota Bharu, Bil. 100 (Ogos 1977), hal. 103-108; *idem*, *Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatani: Ulama' Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1990, hal. 9-54.

² Walau pun terdapat tarikh yang berbeza-beza berhubung dengan tarikh kelahirannya iaitu tahun 1133H., 1153H. dan tahun 1183H, Wan Mohd. Shaghir berpendapat, berdasarkan penyelidikannya, tarikh yang terawal itu adalah yang dianggap betul. Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatani dan Karya-karyanya", hal. 4-5.

tahun 1133H./ 1720M.² Beliau dilahirkan di kampung Keresik, Patani iaitu sebuah kampung yang terletak berhampiran dengan pantai. Syeikh Daud mempunyai lima orang adik-beradik tetapi beliaulah yang teralim;³ lima tahun belajar di Patani, dua tahun di Aceh, tiga puluh tahun di Mekah dan lima tahun di Madinah. Antara gurunya yang terawal adalah dari lingkungan keluarganya sendiri termasuk datuk dan ayahnya yang juga merupakan ulama besar di Patani waktu itu. Gurunya di Aceh ialah Syeikh Muḥammad Zain Aceh, di Mekah ialah Syeikh 'Ali bin Ishāk al-Patani, Syeikh Saleh bin Abdul Rahman al-Fatānī, Syeikh Muḥammad Saleh bin Ibrahim al-Rais, Mufti Syafi'iyah di Mekah. Guru-gurunya di Madinah, antaranya, ialah Syeikh Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdi dan Syeikh Muḥammad Saman.

Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatānī wafat di Ta'if. Tahun kewafatannya juga belum dipastikan.⁴ Tetapi ada yang berpendapat bahawa beliau wafat pada tahun 1265H./ 1847M berdasarkan salah satu catatan keluarganya. Jenazahnya dimakamkan di Ta'if bersampingan dengan kubur 'Abd Allah bin 'Abbas dan kemudian dipindahkan ke Mekah.⁵

kertas kerja di Seminar *Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4* (Syeikh Daud 'Abdullah al-Fatānī), anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM dan Akademi Pengajian Islam, UM pada 11-13 Jamadil Akhir/17-19 Disember 1991, di Pusat Islam Malaysia; *Idem, Mun-Yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatānī*, KL: Khazanah al-Fathaniyah, 1999, hal. 7.

³ Nama adik-beradiknya ialah Syeikh Wan Abdul Qadir bin 'Abdullah al-Fatānī, Syeikh Wan Abdur Rasyid bin Abdullah al-Fatānī, Syeikh Wan Idris bin 'Abdullah al-Fatānī, Haji Wan Nik bin 'Abdullah al-Fatānī dan saudara kandung perempuannya masih belum diketahui namanya.

⁴ Menurut Wan Mohd. Shaghir (1991: 5), Tuan Guru Hj. Abdul Hamid yang berusia lebih 100 tahun pada tahun 1991 pernah menulis berkenaan Syeikh Daud al-Fatānī, katanya: "*dan sangat mustajab doanya dan panjang umurnya kadar 166 tahun. Iaitu mati pada masa Sultān Syarif Muḥammad Arshad Khan al-Abbasi 1297H.*".

⁵ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, hal. 24; *Idem* (1999), *op.cit.*, hal. 8.

Penulisan Syeikh Daud al-Faṭānī

Syeikh Daud al-Faṭānī semasa hidupnya terkenal dengan nama “Syeikh Daud Wali Allah” atau “Syeikh Daud Keramat” telah menghasilkan banyak penulisan dalam pelbagai bidang termasuk tawhid, fiqh dan tasawwuf. Penulisan Kitab fiqhnya adalah berasaskan kepada mazhab Syafi‘i. Menurut kajian awal oleh Abdullah al-Qari, Syeikh Daud telah menghasilkan tidak kurang daripada 22 buah kitab, kecil dan besar, dalam pelbagai bidang ilmu keislaman, sama ada tauhid, perundangan, tasawwuf, *fada’il* dan sejarah Rasulullah s.a.w.⁶ Sementara Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah pula berpendapat Syeikh Daud al-Faṭānī telah menghasilkan penulisan sebanyak 84 buah kitab tetapi beliau hanya menyenaraikan sebanyak 24 buah sahaja.⁷ Namun menurut penulisan terkemudian Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, hasil karya Syeikh Daud al-Faṭānī berjumlah 99 buah atau 101 buah dan yang disenaraikan hanya 61 buah sahaja.⁸ Ini bermakna masih banyak lagi karya Syeikh Daud al-Faṭānī yang belum ditemui atau hilang.

Menurut penyelidikan Abdul Kadir bin Haji Muhammad,⁹ berdasarkan karya-karya yang dapat dikesan sebagaimana yang telah diterangkan di atas, Syeikh Daud telah menghasilkan 13 karya dalam Fiqh dalam masa 13 tahun. Penulisannya bermula dengan kitab *Idah al-Bāb* yang dihasilkan pada tahun 1224H./1809M. dan diakhiri dengan *Bahjat al-Marḍiyyah* pada tahun 1259H./1843M. Sembilan kitab ditulis di Mekah, dua di Ta’if dan dua lagi tidak dinyatakan tempat penulisannya. Walau bagaimanapun memandangkan beliau bermastautin di Jazirah Arab dan meninggal dunia di Ta’if, maka diandaikan kedua-dua penulisan itu dibuat sama ada di Mekah, Madinah atau Ta’if.

⁶ Abdullah al-Qari, “Pujangga Syeikh Daud Faṭānī”, *Dian*, bil. 10, 1967, hal. 131-135.

⁷ Wan Mohd. Shaghir (1977), *op.cit.*, hal. 109.

⁸ Wan Mohd. Shaghir (1999), *op.cit.*, hal. 8-22.

⁹ Abdul Kadir bin Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 38-46.

Kitab-kitab Syeikh Daud al-Fatānī yang kandungannya menyentuh berkenaan Fiqh al-Mu'amalah adalah seperti berikut.¹⁰

1. *Nahj al-Rāghibīn wa Subul al-Muṭṭaqīn*

Kitab fiqh ini ditulis pada tahun 1226H/ 1811M di Mekah dan ia dicetak pada bahagian tepi kitab *Baghiyat al-Ṭullāb li-Mazīd Ma'rifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb* oleh Dār al-Ṭibā'ah al-Miliyyah al-Kubrā, tanpa tahun. Kitab ini terdiri daripada dua jilid dan tebalnya 244 halaman dan 236 dengan ukuran 26.6cm. Dalam *Kitāb Fiqh al-Mu'amalah*, karya ini membincangkan hukum jual beli dan perkara yang berhubung dengannya. Karya ini juga membincangkan hukum jenayah, jihad, kehakiman, pendakwaan dan kesaksian. Sumber rujukannya ialah penulisan-penulisan fuqaha' mazhab Syafi'i yang muktabar iaitu *Minhāj al-Ṭālibīn*, *Tuhfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj* dan *Nihāyat al-Muḥtāj*.

2. *Fath al-Mannān li-Ṣafwat al-Zubād li-Waliyi Allāh Aḥmad bin Ruslān*¹¹

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Daud al-Fatānī di Mekah pada tahun 1249H / 1833M. yang kemudiannya disalin oleh Abdul Latif anak Abdul Mu'min, Negeri Kelaba, Kampong Beris (Patani) pada tahun 1303H/ 1885M. Tebal kitab ini dianggarkan 600 halaman. Selain bidang mu'amalah, kitab ini juga membincangkan fiqh munakahat dan jenayah dengan terperinci. Karya ini dipadankan daripada karya Ibn Ruslan dalam Bahasa Arab yang berjudul *Matn al-Zubād li-Ibn Ruslān*. Setelah selesai diterjemah dan diberi penghuraian lanjut, ia dinamakan seperti di atas.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Kitab ini dengan judul *Fath al-Mannān li Ṣafwat al-Zubād* yang ditulis pada tahun 1249H/1833M. telah dicetak oleh Matba'ah al-Amīriyah, Mekah pada tahun 1330H./1911M. yang ditashihkan oleh Syeikh Ahmad al-Fatānī.

3. *Sullam al-Mubtadi fī Ma'rifah Tariq al-Muhtadi*

Kitab ini ditulis pada tahun 1252H./ 1836M. dan dipercayai ia ditulis semasa Syeikh Daud al-Faṭānī berada di Ta'if. Kitab ini disemak oleh al-Haj Alias al-Azhari dan diterbitkan oleh Maktabah Sulayman Mar'i, Singapura, tanpa tahun dan setebal 46 halaman. Dalam mu'amalah, kitab ini membincangkan hukum jual beli dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Walaupun kitab ini membincangkan persoalan akidah di dalam bab permulaannya (halaman 2-5) dan fiqh dalam pelbagai bidang termasuk sembahyang, puasa, zakat, haji, korban, faraid, wasiat, perkahwinan, jenayah, kehakiman, jihad, perhambaan dan sebagainya, tetapi perbincangannya sangat ringkas dan tiada sumber rujukannya.

4. *al-Jawāhir al-Saniyah*

Karya ini telah dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Faṭānī pada tahun 1252H/ 1836M di Ta'if, Arab Saudi. Ia disemak oleh Daud bin Ismail Patani. Kitab ini telah dicetak dan diterbitkan oleh Syarikat Bangkul Indah, Surabaya, tanpa tahun dan setebal 280 halaman. Dalam kitab mu'amalah, ia membincangkan jual beli dan riba serta perkara-perkara yang ada hubungannya dengannya seperti hukum sewaan (*al-Ijārah*). Walaupun kitab ini secara umumnya berkisar tentang Fiqh termasuk kitab bersuci, sembahyang, zakat, haji dan umrah, tetapi pada bahagian permulaannya iaitu dari halaman 1-38, ia dimulai dengan persoalan akidah. Karya ini tidak membincangkan fiqh kehakiman dan kesaksian, jenayah dan hubungan antarabangsa (*jihad*).

5. *Furū' al-Masā'il*

Kitab fiqh ini telah ditulis oleh Syeikh Daud al-Faṭānī pada tahun 1254. dan selesai pada tahun 1257H/ 1838-1841M di Mekah. Kitab ini disemak oleh al-Syeikh Ibrahim al-Kedahi dan Ahmad Sa'ad al-Filfilānī. Kitab ini dicetak kali pertama pada tahun 1302H./1884M. oleh Maṭba'ah al-Misriyyah atas usaha dan tashih Syeikh Ahmad al-Faṭānī. Dalam penulisan ini, penulis merujuk kepada kitab yang diterbitkan oleh dua penerbit. Pertama; diterbitkan oleh Sulayman Ma'ri, Singapura, tanpa tahun. Dalam

penerbitan ini. *Furū' al-Masā'il* setebal 652 halaman dalam dua jilid (jilid pertama 276 halaman, jilid kedua 376 halaman). Sementara penerbitan Dār al-Fikr, Beirut juga dalam dua jilid (jilid pertama 274 halaman dan jilid kedua 389 halaman). Saiz kitab ini ialah 28 x 19cm.

Jilid pertama *Furū' al-Masā'il* cetakan Dār al-Fikr menyentuh tentang *Tawhīd (Uṣūl al-Dīn)* (halaman 2-14), *Fiqh al-'Ibādah; Tahārah* (halaman 15-184), Zakat (halaman 184-211), Puasa (halaman 211-222), *I'tikāf* (halaman 222-225), Haji dan Umrah (halaman 225-260), Korban (halaman 260-267), Makanan (halaman 167-271), Pemburuan Dan Sembelihan (halaman 271-274). Sementara jilid kedua cetakan yang sama, menyentuh tentang *Fiqh Mu'āmalah* (halaman 2-134), *Farā'id* (halaman 134-149), Wasiat (halaman 149-161), Perkahwinan (halaman 161-294), Jenayah (halaman 295-332), Jihad (halaman 335-345), Perlumbaan Dan Memanah (halaman 345-347), Sumpah (halaman 347-356), Kaffarah (halaman 356-357), Nazar (halaman 357-360) dan *Qadā'* (halaman 360-370), Persaksian Dan Keterangan (halaman 370-379), Memerdekakan Hamba (halaman 379-388).

Sumber hukum yang dirujuk dalam Kitab *Furū' al-Masā'il* ini ialah Kitab *Fatāwā* karangan Syeikh Ramlī, Muḥammad bin Aḥmad bin Hamzah (m. 1004H./1596M.) dan yang keduanya dari Kitab *Kashf al-Lithān 'an As'ilah al-Anām* oleh Ḥusayn bin Aḥmad al-Maḥalla (1388-1458). Hal ini dinyatakan oleh Syeikh Daud pada mukaddimah kitab *Furū' al-Masā'il*nya, katanya:

“...pada bicara hukum *furū' syar'iyah* yang banyak segala faedahnyanya yang mardiyah aku pungut daripada dua kitab yang besar keduanya *Fatāwā* bagi Shams al-Millah wa al-Din pegangan bagi segala fuqaha' dan *muḥaqqiqin* syeikh yang 'allāmah Muḥammad al-Ramlī dan *Kitāb Kashf al-Lithān 'an As'ilah al-Anām* bagi syeikh yang 'allāmah lagi *muḥaqqiqin* setengah daripada orang *muta'akhirin* Syeikh Ḥusayn anak Muḥammad al-Maḥalla”.¹²

¹² *Furū' al-Masā'il*, Jilid I, Beirut: Dār al-Fikr (t.t), hal. 3; *Furū' al-Masā'il*, Jilid I, Sulayman al-Mari', Singapura (t.t), hal. 3.

Kitab *Furū' al-Masā'il* adalah antara kitab fiqh yang terbesar dan tersohor serta terlengkap karangan Syeikh Daud al-Faṭānī dalam bahasa Melayu/Jawi yang menjadi rujukan bukan sahaja di Tanah Melayu, tetapi juga di Nusantara pada waktu itu. Sebelum tersebarnya kitab ini, umat Islam di Tanah Melayu menjadikan kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* sebagai bahan rujukan utama dalam bidang fiqh. Karya ini adalah antara hasil penulisan fiqh bermazhab Shafi'i yang terawal dalam Bahasa Melayu yang dianggap sebagai kitab perundangan Islam yang berwibawa sehingga beberapa lama. Kitab ini ditulis oleh Nuruddin al-Raniri pada abad ke-11H./ 17M. semasa beliau berada di Pahang. Ia adalah kitab fiqh pertama yang lengkap berkenaan dengan hukum-hukum ibadat di Tanah Melayu waktu itu. Kitab ini mengandungi hukum-hukum berkaitan cara berpakaian Islam, berwuduk, bersugi, mengerat kuku, mencabut bulu-bulu di badan, sembahyang, pengkebumian jenazah, zakat, makanan dan sebagainya.¹³ Kitab ini tidak membincangkan persoalan berkenaan dengan mu'amalah.

Seratus lima puluh tahun (150) kemudian iaitu pada tahun 1195H./1780M. Syeikh Muḥammad Arshad al-Banjāri dari Banjar, Indonesia muncul dengan karyanya *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaquh bi Amr al-Dīn*¹⁴ yang dianggap sebagai karya kedua lengkap dalam Fiqh di Nusantara.¹⁵

Jadual 1 dibawah adalah ringkasan kandungan dan penyusunan fiqh mu'amalah yang terdapat dalam kitab *Furū' al-Masā'il*, setebal 132 halaman. Penyusunannya dimulakan dengan *kitāb al-bay'* (hukum jual beli dan yang berkaitan dengannya) dan diakhiri dengan *kitāb al-wadī'ah* iaitu akad di antara tuanpunya barang dengan pihak yang menyimpan untuk menyimpan barang tertentu.

¹³ R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, KL: Oxford University Press (1969), hal. 145; Abdul Kadir Haji Muhammad, *op.cit.*, hal. 29.

¹⁴ Muḥammad Arshad al-Banjāri, *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaquh fi Amr al-Dīn*, Miṣr: Dār al-Tibā'ah (t.t), Jilid 2, hal. 267.

¹⁵ Wan Mohd. Shaghbir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, Matahari Islam*, Pontianak: Pondok al-Fathanah (1982), hal. 1.

Jadual 1:
Susunan Penulisan Fiqh Mu'amalah Dalam
Furū' al-Masā'il, Jilid 2, hal. 2–134.

Pembahagian Penulisan Fiqh Muamalah Mengikut Kitab dan Bab	Halaman
<i>Al-Bay'</i>	2-11, 14-19, 27-35
<i>Al-Ribā</i>	11-14
<i>Al-Khiyar</i>	19-27
<i>Bāb al-Tawliyah, al-Ischrāk wa al-Murābahah</i>	30-31
<i>Ikhtilāf al-Mutabayi'ayn</i>	35-37
Jual Beli Hamba	37-39
<i>Bay' al-Salam</i>	39-43
<i>Al-Qard wa al-Salaf</i>	43-47
<i>Al-Rahn</i>	47-58
<i>Al-Taflīs</i>	58-62
<i>Al-Hajr</i>	63-67
<i>Al-Ṣulh</i>	67-71
<i>Al-Hiwālah</i>	71-73
<i>Al-Damān</i>	73-76
<i>Al-Sharikah</i>	76-79
<i>Al-Wakālah</i>	79-86
<i>Al-'Āriyyah</i>	93-97
<i>Al-Ghasb</i>	98-104
<i>Al-Shuf'ah</i>	104-107
<i>Al-Qirād</i>	107-110
<i>Al-Musāqah</i>	110-113
<i>Al-Ijārah</i>	113-118
<i>Ihyā' al-Mawāt</i>	118-121
<i>Al-Waqf</i>	121-124
<i>Al-Hibah</i>	124-126
<i>Al-Luqatah</i>	126-128
<i>Al-Ju'ālah</i>	129-131
<i>Al-Wadī'ah</i>	131-134

Berasaskan kepada pembahagian kitab dan bab dalam fiqh mu'amalah, Syeikh Daud al-Faṭānī telah menulis semua tajuk utama fiqh mu'amalah dalam mazhab Shafi'i. Penulisan fiqh mu'amalah Syeikh Daud al-Faṭānī, dan juga kitab-kitab fiqh yang lain, adalah sistematik dan menarik. Ia adalah dalam bentuk *kitāb* dan kemudian dipecahkan kepada *bāb* dan *faṣal*. *Kitāb* merujuk kepada penulisan untuk tajuk yang utama, *bāb* adalah pecahan atau sub-topik kepada *kitāb* dan *faṣal* adalah persoalan-persoalan yang lebih kecil dalam *bāb*. Dalam *Furū'* terdapat 17 *kitāb*, 16 *bāb* dan 7 *faṣal*. Ini bermakna bukan semua *kitāb* mempunyai *bāb* dan bukan semua *bāb* mempunyai *faṣal*. Ada juga tajuk-tajuk dalam fiqh mu'amalah itu yang tidak ada *bāb* atau *faṣal* seperti *Kitāb al-Sharikah*, *Kitāb al-Wakālah*, *Kitāb al-'Ariyyah*, *Kitāb al-Shuf'ah*, *Kitāb al-Ijārah* dan *Kitāb al-Hibah*.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa penulisan Syeikh Daud al-Faṭānī dalam fiqh termasuk fiqh mu'amalah adalah mengikut Mazhab Shafi'i dan tambahan pula dua buah buku yang menjadi rujukan beliau dalam karya *Furū'*nya adalah Kitab Fiqh Shafi'i. Umpamanya Syeikh Daud menulis bahawa akad, termasuk jual beli, tidak boleh dilakukan secara unjuk-mengunjuk (*al-mu'āṭah*); tanpa ada lafaz ijab dan qabul kerana unsur keredaan tidak dapat dilihat dalam akad berkenaan melainkan dengan ijab dan qabul.¹⁶ Dalam penulisan Mazhab Shafi'i yang lain juga menyatakan hal yang sama iaitu akad dengan perbuatan atau unjuk-mengunjuk adalah tidak sah kerana dalil yang mengharuskannya tidak kuat untuk menyatakan akad; sebab kerelaan adalah suatu perkara yang tersembunyi. Tidak ada dalil untuk menyatakan kerelaan dalam akad melainkan dengan lafaz (ijab dan qabul) sama ada secara terang atau kinayah, ataupun dengan isyarat yang dapat difahami atau pun dengan tulisan.¹⁷ Mereka juga berhujah bahawa perbuatan unjuk-mengunjuk boleh memberi makna lain dan tidak menggambarkan kehendak akad. Namun begitu terdapat kecenderungan Ulama' Shafi'i kemudian seperti al-

¹⁶ *Furū' al-Masā'il*, Jilid 2, hal. 4.

¹⁷ Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj*, Kaherah, Jilid 2, hal. 3; al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, Beirut, Jilid 1, hal. 257.

Nawawī, al-Baghawī dan al-Mutawallī yang membolehkan akad secara unjuk-mengunjuk.¹⁸

Perbincangan pada Bab *al-Khiyār* adalah berdasarkan kepada Fiqh Shafi'i. Syeikh Daud hanya menulis tiga jenis *khiyār* iaitu *khiyār majlis*, *khiyār syaraṭ* dan *khiyār 'ayb*¹⁹ iaitu jenis-jenis *khiyār* yang diterima oleh Fuqaha' Mazhab Shafi'i. *Khiyār Majlis* ialah pilihan yang diberikan kepada salah satu pihak yang berakad untuk meneruskan atau menfasakhkan akad dalam majlis itu, iaitu sebelum mereka berpisah dari majlis akad. *Khiyār Syaraṭ* ialah pilihan yang diberikan kepada kedua-dua pihak yang berakad sama ada hendak meneruskan atau menfasakhkan akad jika *khiyār* (pilihan) itu disyaratkan dalam akad itu dalam masa tiga hari.²⁰ Sementara *Khiyār 'Ayb* ialah pilihan yang diberikan kepada pihak yang berakad untuk meneruskan atau membatalkan akad apabila terdapat kecacatan pada objek yang diakadkan.²¹ Syeikh Daud tidak membincangkan tentang jenis-jenis *khiyār* yang lain seperti *khiyār al-ta'yīn* dan *khiyār al-ru'yah* kerana *khiyār al-ta'yīn* diharuskan oleh Abū Ḥanīfah dan al-Shaybānī dari Mazhab Hanafi, sementara *khiyār al-ru'yah* diharuskan oleh mazhab Hanafi dan Hanbali sahaja. *Khiyār al-ta'yīn* ialah pilihan yang diberikan kepada salah satu pihak yang berakad untuk menentukan subjek akad itu.²² Sementara *khiyār al-Ru'yah* ialah pilihan yang diberikan oleh salah satu pihak yang berakad setelah melihat perkara yang diakadkan.²³

Demikian juga semasa membincangkan bab pemegangan tanah, Syeikh Daud al-Fatānī hanya menulis bab *al-musāqqat* sahaja, beliau tidak memasukkan dalam *Furū'* bab *al-Muzāra'ah*

¹⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Beirut, Jilid 4, hal. 101.

¹⁹ *Furū' al-Masā'il*, Jilid 2, hal. 3.

²⁰ *Mughnī al-Muhtāj*, jilid 2, hal. 42.

²¹ Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, Jilid 4, hal. 261.

²² Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, Beirut, Jilid 5, hal. 251.

²³ *Ibid.*, hal. 274-279; Ibn 'Ābidin, *Ḥāsyiyah Ibn 'Ābidin*, Beirut (t.t), Jilid 4, hal. 74; Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, Jilid 4, hal. 267.

iaitu pengolahan tanah kosong oleh petani (pengusaha) dengan tuan tanah dengan akad hasil pertanian dibahagikan antara petani dan tuan punya tanah mengikut nisbah tertentu seperti separuh separuh dan seumpamanya.²⁴ Fuqaha' Shafi'i berpendapat akad *al-Muzarā'ah* adalah tidak sah kecuali apabila *al-muzarā'ah* itu mengikut akad *al-musāqat* (kerjasama antara pemilik kebun; yang telah sedia ditanam dengan pokok-pokok atau tanaman tertentu, dengan pengusaha untuk menguruskan tanaman atau pokok-pokok berkenaan yang hasilnya nanti akan dibahagikan antara mereka berdua mengikut perjanjian yang mereka buat).²⁵

Pemikiran Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatānī Dalam Perbankan Islam

Walaupun Syeikh Daud tidak menulis secara langsung perkataan bank Islam dalam *Furū' al-Masā'il*, tetapi kandungan penulisan itu adalah merupakan aspek-aspek teori yang menjadi dasar amalan perbankan Islam. Aspek-aspek perbankan Islam yang disentuh oleh Syeikh Daud antaranya ialah Jual beli, *ribā*, *bay' al-salam*, *ḥiwālah*, jaminan (*ḍamān*), perkongsian (*syarikah/musyārahah*), perwakilan (*wakālah*), *muḍārabah* dan sewaan (*ijārah*).

Perbincangan Syeikh Daud dalam mu'amalah dimulakan dengan bab jual beli. Para ulama mentakrifkan jual beli sebagai menukar sesuatu dengan sesuatu dengan cara tertentu untuk memberi milik dan menerima milik.²⁶ Definisi yang memberi maksud yang sama juga telah dikemukakan oleh Syeikh Daud.²⁷ Syeikh Daud telah menghuraikan dengan detil rukun-rukun dan syarat-syarat jual beli, hukum jual beli dan perkara-perkara yang

²⁴ *Mughnī al-Muhtāj*, Jilid 2, hal. 323.

²⁵ Al-Shīrāzī (1994), *al-Muḥadhdhab*, Jilid 1, hal. 394. 1715

²⁶ Al-Zuhaylī, Perbincangan para ulama telah dihuraikan oleh Wahbah al-Zuhaylī dalam *op.cit.*, Vol. 4, hal. 244-245.

²⁷ *Furū'*, Jilid 2, hal. 2.

berkaitan dengannya.²⁸ Dalam amalan perbankan Islam, jual beli yang sah adalah antara alternatif menggantikan instrumen bunga yang diharamkan Islam seperti yang diamalkan oleh bank-bank konvensional. Hal ini selaras dengan Firman Allah SWT yang bermaksud: “..Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”.²⁹

Islam telah mengharamkan amalan riba dalam semua bentuknya, sama ada riba dalam bentuk pertukaran yang dinamakan sebagai *ribā al-fadl* ataupun riba dalam pinjaman yang dinamakan sebagai *ribā al-nasi'ah*. Pengharaman ini terdapat di dalam al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Pengharaman riba dalam al-Qur'an terdapat dalam empat peringkat wahyu (dalam lapan surah); 5 ayat dalam surah al-Baqarah, dan masing-masing satu ayat dalam surah Āli 'Imrān,³⁰ al-Nisā'³¹ dan al-Rūm.³² Wahyu yang keempat iaitu surah al-Baqarah ayat 275-279 diturunkan ketika hampir sempurna kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Ayat tersebut dengan tegas menyatakan perbezaan antara jual beli dan riba, seperti yang dijelaskan di atas, dan meminta orang-orang Islam supaya tidak mengambil riba dan hanya mengambil jumlah pokok pinjaman sahaja supaya tidak berlaku kezaliman kepada sesiapa (kepada pemberi pinjam dan penerima pinjaman).³³

Rasulullah s.a.w dalam banyak hadith telah mencela amalan riba, memberi dan menerima riba, bahkan kepada mereka yang mencatatkan transaksi atau menjadi saksinya.³⁴ Bahkan Rasulullah

²⁸ *Furū'*, Jilid 2, hal. 2-11.

²⁹ Surah al-Baqarah (2): 275.

³⁰ Surah Āli 'Imrān (3): 130.

³¹ Surah al-Nisā' (4): 161.

³² Surah al-Rūm (30): 39.

³³ Lihat M. Umar Chapra (1985), “The Nature of Riba in Islam”, *Hamdard Islamicus*, Vol. VI (1), h. 4; *Idem, Towards A Just Monetary System*, Leicester, U.K., hal. 56, 235-246.

³⁴ Muslim (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, Vol. 3, hal. 1219 (no. 106).

s.a.w telah menyamakan mereka yang terlibat dengan riba dengan amalan perzinaan sebanyak tiga puluh enam kali atau pun melakukan zina dengan ibu sendiri.³⁵ Para ulama³⁶ dan ahli-ahli ekonomi Islam³⁷ telah meluaskan skop riba kepada amalan *interest* dan *usury* seperti terdapat dalam amalan perbankan dan kewangan konvensional masa kini. Ini bermakna kedua-dua perkataan itu memberi makna yang sama dengan riba.

Dalam *Furū'*, Syeikh Daud al-Faṭānī dengan nada yang sama dan terang mengharamkan amalan dan transaksi riba dalam mu'amalah, sama ada ia dinamakan *ribā al-faḍl* ataupun *ribā al-nasi'ah* kerana ia membawa kezaliman kepada pihak-pihak yang terlibat. *Ribā al-nasi'ah* berlaku dalam amalan pinjam-meminjam wang yang dibayar lebih daripada jumlah pokok, sementara *ribā al-faḍl* berlaku dalam transaksi enam jenis komoditi yang terdiri daripada emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam yang apabila ditukar dengan jenis yang sama hendaklah dengan sukatan atau timbangan yang sama dan secara tunai. 'Illah yang diberikan ialah kerana emas dan perak adalah matawang dan empat komoditi berikutnya adalah makanan utama.³⁸

Selain daripada akad jual beli instrumen alternatif menggantikan riba dalam amalan perbankan Islam ialah sistem perkongsian untung dan rugi sebagaimana yang dianjurkan oleh para ulama' dan ahli-ahli ekonomi Islam. Sistem ini adalah

³⁵ *Miskāt al-Maṣābiḥ*, Vol. 2, hal. 90 (no. 2825) melalui riwayat Aḥmad b. Ḥanbal dan Dār al-Qutnī.

³⁶ Lihat Muhammad Abū Zahrah, *Buḥūth fī al-Ribā*, hal. 52- 57; al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, Vol. 7, hal. 85; al-Shawkānī, *Nayl al-Awḥār*, Vol. 5, hal. 290-296.

³⁷ Hasan-uz-Zaman (1996), "Islam vis-à-vis Interest," *Islamic Culture*, Vol. 40(1), hal. 1-13; Ziauddin Ahmed (1978), "The Qur'anic Theory of Riba", *The Islamic Quarterly*, Vol. 42(1-2), hal. 3-14; Ziaul Haque (1982), "The Nature of Ribā al-Nasi'ah and Ribā al-Faḍl", *Islamic Studies*, Vol. 21(4), hal. 19-38.

³⁸ *Furū'*, Jilid 2, hal. 11-14.

berasaskan kepada akad *muḍārabah* dan *musyārahah*. Keduanya adalah asas kepada semua kegiatan ekonomi yang melibatkan wang, harta dan buruh di dalam Islam.³⁹

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Syeikh Daud dalam akad *musyārahah*⁴⁰ dan *muḍārabah*,⁴¹ jumlah pulangan kepada dana (modal) yang dilaburkan tidak boleh ditetapkan terlebih dahulu atau tetap. Kadar atau nisbah keuntungan kepada pihak-pihak yang terlibat adalah bergantung kepada persetujuan atau perjanjian yang dibuat oleh mereka seperti 50 : 50 dan sebagainya, dan jumlah tersebut bergantung kepada hasil daripada pelaburan yang dilakukan. Jika modal disumbangkan seluruhnya oleh satu pihak dan usaha disumbangkan oleh pihak yang lain seperti dalam akad *muḍārabah*, bahagian (kadar) keuntungan setiap pihak adalah mengikut perjanjian atau persetujuan yang dicapai semasa akad dimeterai, dan kerugian jika berlaku ditanggung oleh pemilik modal. Kerugian akan ditanggung oleh usahawan apabila pasti kerugian itu disebabkan oleh kecuaiian pihak usahawan. Sebaliknya apabila modal disumbangkan oleh lebih daripada seorang seperti dalam kes *musyārahah*, keuntungan diagihkan di antara mereka mengikut kadar yang dipersetujui, sama ada mengikut kadar modal yang disumbangkan atau pun mengikut perjanjian, dan kerugian yang berlaku akan ditanggung oleh mereka mengikut kadar sumbangan modal masing-masing.

Selain daripada *muḍārabah* dan *musyārahah*, beberapa akad lain yang menjadi instrumen penting dalam amalan perbankan Islam sekarang ialah *bay' al-salam*, *hiwālah*, jaminan (*ḍamān* atau *kafālāh*), *wakālah*, *ijārah* dan *wadī'ah*. *Bay' al-salam* ialah jualan dengan bayaran harganya secara tunai semasa akad dan penyerahan

³⁹ Perbincangan lanjut, lihat Joni Tamkin bin Borhan, "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Mu'amalah Dalam Amalan Perbankan Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 13, Julai 2001, hal. 117-140.

⁴⁰ *Furū'*, Jilid, 2, hal. 76-79.

⁴¹ *Ibid.*, hal. 107-110.

barang ditanggung sehingga ke satu masa yang ditetapkan.⁴² *Hiwālah* ialah akad pemindahan hutang daripada tanggungjawab si berhutang kepada tanggungjawab orang lain.⁴³ Umpamanya si A memberi hutang kepada si B, manakala si B pula memberi hutang kepada si C. Jika si A ialah koperasi dan si B ialah ahlinya, maka tanggungjawab hutang si B boleh dipindahkan kepada si C.

Jaminan (*ḍamān* juga memberi erti yang sama dengan *kafālah*) ialah tanggungjawab di atas hak yang sabit atau wajib di atas orang lain atau mendapatkan sesuatu barang gantian untuk pihak yang berhak.⁴⁴ Dalam amalan perbankan Islam ia melibatkan jaminan di atas hutang-piutang, pembayaran harga barang yang dijual, penyerahan barang dan keselamatan barang.⁴⁵ Umpamanya si A berhutang dengan Bank Islam sebanyak RM100.00 dengan dijamin oleh si C. Apabila sampai masa penjelasan hutang, Bank Islam boleh menuntut daripada si C atau si A. Dengan cara demikian wang Bank Islam yang diberi kepada si A tidak akan hilang kerana ia dijamin oleh si C.

Wakālah ialah akad yang memberi kuasa orang yang mewakili kepada penerima wakil untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja bagi pihak orang yang mewakili itu.⁴⁶ Umpamanya seseorang yang mewakilkan Bank Islam untuk membeli sejumlah saham daripada sebuah syarikat tertentu bagi pihaknya dengan membuat bayaran sebagaimana yang dipersetujui. Setelah selesai pembelian itu, Bank Islam akan menyerahkan saham-saham itu kepada pelanggan. Dengan itu selesailah hubungan *al-wakālah* antara pelanggan dengan Bank Islam.⁴⁷

⁴² *Furū'*, Jilid 2, hal. 39-43.

⁴³ *Ibid.*, hal. 71-73.

⁴⁴ *Ibid.*, hal. 73-76.

⁴⁵ BIRT, *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur, 1998, hal. 101.

⁴⁶ *Furū'*, Jilid 2, hal. 79-86.

⁴⁷ BIRT, *op.cit.*, hal. 117.

Ijārah ialah akad sewaan atau upahan penggunaan manfaat atau perkhidmatan dengan bayaran atau harga yang ditetapkan terlebih dahulu.⁴⁸ Dalam amalan perbankan Islam, harta atau alat-alat jentera milik bank Islam boleh disewakan kepada para pelanggan untuk jangka masa tertentu dengan bayaran tertentu yang ditetapkan. *Wadi'ah* ialah akad tuan punya barang atau harta dengan pihak yang menyimpan ke atas barang atau harta tertentu untuk disimpan. Tujuan akad ini ialah untuk menjaga keselamatan barang atau harta itu daripada kemusnahan atau kehilangan.⁴⁹ Dalam amalan perbankan Islam, akad *wadi'ah* boleh berlaku dalam bentuk amanah (*yad amānah*) atau jaminan (*yad damānah*). Barang yang disimpan atau diterima oleh bank Islam adalah dalam bentuk wang tunai atau harta-harta tertentu seperti barang-barang kemas, dokumen-dokumen dan sebagainya. Dalam penerimaan deposit, para pelanggan boleh memasukkan wang mereka dalam akaun simpanan atau akaun semasa berasaskan akad *wadi'ah*.⁵⁰

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa Syeikh Daud al-Fatānī adalah seorang ulama' tersohor di Nusantara pada waktunya hingga sekarang yang telah memberikan sumbangan dan warisan yang besar dalam pelbagai bidang termasuk Fiqh khususnya fiqh mu'amalah yang menjadi asas kepada amalan perbankan Islam. Karya-karyanya masih lagi relevan dan digunapakai oleh orang-orang Islam dalam pelbagai peringkat dalam kehidupan seharian mereka. Penulisannya dan pemikirannya dalam aspek-aspek perbankan Islam seperti yang terdapat dalam *Furū' al-Masā'il*, walaupun hanya sebanyak 132 halaman, yang berasaskan kepada Fiqh Shafi'i, adalah rujukan penting kepada para pengamal perbankan Islam dan mereka yang terlibat dalam bidang ini secara langsung atau tidak langsung.

⁴⁸ *Furū'*, Jilid 2, hal. 113-118.

⁴⁹ *Furū'*, Jilid 2, hal. 131-134.

⁵⁰ BIRT, *op.cit.*, hal. 80-81.

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL AFKĀR

- a) Artikel hendaklah dalam bidang akidah dan pemikiran Islam, merangkumi bidang-bidang kalam, falsafah, tasawwuf, perbandingan agama, mantik, firaq dan aliran-aliran pemikiran serta pemikiran Islam di Alam Melayu. Kajian-kajian yang bersifat kritikal dialu-alukan, manakala makalah-makalah yang bersifat pengenalan atau pengantar tidak digalakkan.
- b) Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana jurnal tempatan atau antarabangsa.
- c) Artikel hendaklah tidak melebihi 6000 patah perkataan atau 30 halaman yang telah siap ditaip pada kertas A4 (langkau dua). Artikel-artikel pendek juga dialu-alukan.
- d) Satu salinan artikel bercetak dan satu salinan disket diperlukan dan tidak akan dikembalikan sama ada diterbitkan ataupun tidak.
- e) Karya-karya yang dikirimkan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas tidak melebihi 200 patah perkataan. Artikel-artikel yang ditulis dalam Bahasa Melayu hendaklah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Inggeris. Manakala artikel berbahasa Inggeris dan Arab hendaklah disertakan abstrak dalam Bahasa Melayu.
- f) Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
- g) Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
- h) Karya-karya yang dikirim akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang sidang pengarang atau sidang pengarang bersekutu sebelum diterbitkan.
- i) Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan jurnal dan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
- j) Penyumbang artikel akan dihadiahkan empat naskhah jurnal AFKĀR yang diterbitkan.
- k) Sumbangan, pertanyaan dan langganan boleh dialamatkan kepada:

Ketua Sidang Pengarang Jurnal AFKĀR

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur

(u.p.: Wan Suhaimi Wan Abdullah)

Tel.: 603-79676014/79676097. Faks.: 603-79676142

E-mail: wahaimi@umcsd.um.edu.my atau

shameemrumaisaa@hotmail.com



